

## **TERAS STRATEGIK ICT**

Tujuh (7) Teras Strategik ICT LPP dirangka untuk memandu pelaksanaan inisiatif ICT di masa kini dan akan datang agar selari dengan hala tuju bisnes LPP. Tujuh (7) teras yang dirumuskan adalah seperti berikut:-

- i) Membangun dan mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan secara online melalui penambahbaikan dan penyeragaman saluran (channel), infrastruktur dan infostruktur ICT;
- ii) Menyediakan sistem pengurusan maklumat bersepadu yang mudah dicapai dan yang dikawal menerusi amalan keselamatan ICT terbaik;
- iii) Meningkatkan perkongsian strategik dan jalinan interaksi dengan pihak berkepentingan melalui kemudahan ICT secara bersepadu;
- iv) Memperluas dan membudayakan penggunaan ICT bagi menyokong perkongsian maklumat;
- v) Meningkatkan kompetensi ICT menerusi pembelajaran berterusan ke arah anggota yang berpengetahuan, berkemahiran, kreatif dan inovatif;
- vi) Mempertingkatkan tadbir urus ICT menerusi amalan terbaik, piawaian, garis panduan dan pengurusan dengan koordinasi yang padu bagi menjayakan pelaksanaan program ICT;
- vii) Menguatkuasakan penggunaan ICT dalam setiap proses kerja.